

## Mengatasi Terorisme dan *Islamophobia*: Satu Kajian Terhadap Novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*

### *Overcoming Terrorism and Islamophobia: A Study of the Novel “Demi Allah, Aku Jadi Teroris”*

SOHAIMI ABDUL AZIZ

School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM Pulau Pinang, Malaysia  
soaazz@usm.my

Published online: 31 October 2019

To cite this article: Sohaimi Abdul Aziz. 2019. Mengatasi terorisme dalam *Islamophobia*: Satu kajian terhadap novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 26(2): 1–23. <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.1>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/kajh2019.26.2.1>

**Abstrak.** Terorisme telah menyebabkan negara-negara di Barat mempunyai pandangan negatif terhadap Islam dan umatnya. Pada persepsi mereka, jihad dikaitkan dengan keganasan dan Islam menggalakkan keganasan. Pandangan ini mencetuskan persepsi negatif terhadap Islam dan umat, iaitu *Islamophobia* (amat takut akan Islam) yang menyatakan bahawa Islam dan umat Islam menggalakkan terorisme. Apakah karya sastera seperti novel yang membincangkan terorisme seperti novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* boleh membantu mengatasi permasalahan ini? Tujuan utama makalah ini dihasilkan adalah untuk membincangkan perihal penggunaan konsep jihad yang bertentangan dengan ajaran Islam untuk mencetuskan terorisme seperti yang dilakukan oleh Jemaah Kiai Gadil dan diperlihatkan dalam novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* karya Damien Demantra. Tujuan kedua adalah untuk membincangkan cara mengatasi terorisme seperti yang dinyatakan dalam novel tersebut. Kajian terhadap novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* dilakukan dengan menggunakan pendekatan psikososial yang mengkaji personaliti Kemala dalam novel yang dikaji dan punca watak ini hampir melakukan terorisme. Melalui pendekatan psikososial ini juga, kajian yang dijalankan akan melihat bagaimana untuk mengatasi terorisme. Dapatkan daripada makalah ini menunjukkan bahawa Islam menolak hubungan jihad dengan terorisme seperti yang dilakukan oleh Jemaah Kiai Gadil. Dalam Islam, tiada jihad sekiranya dikaitkan dengan keganasan. Hanya manusia yang dangkal pengetahuannya tentang Islam dan mempunyai masalah psikologi seperti Kemala sahaja yang akan melakukan terorisme. Makalah ini juga menunjukkan bahawa pendekatan yang lebih lembut (bukan ketenteraan), seperti mengkaji punca terorisme, didapati lebih sesuai digunakan untuk mengatasi terorisme. Secara tidak langsung, pendekatan yang lebih lembut ini akan menjadikan masyarakat memahami ajarah Islam tentang jihad yang sebenar dan pendekatan ini juga dapat mengikis *Islamophobia*.

**Kata kunci dan frasa:** terorisme, jihad, Islam, *Islamophobia*, pendekatan psikososial

**Abstract.** Terrorism has led the countries in the West to have a negative view of Islam and Muslim. They perceived that jihad is associated with violence and Islam promotes violence. This view sparked a negative perception of Islam and Muslims. Thus, the emergence of Islamophobia (deeply afraid of Islam) saying that Islam and Muslims are promoting terrorism. Can literary works like novels, which dealing with terrorism such as the novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* (By God, I am a Terrorist) help to solve this problem? The main purpose of this article is to discuss how the concept of jihad has been used to trigger terrorism as was done by Jemaah Kiai Gadil and shown in the novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* by Damien Demantra. The second objective is to discuss how to overcome terrorism as stated in the novel. The study of the novel is done by using a psychosocial approach that examines the personality of Kemala, the character who almost commits terrorism. Through this psychosocial approach, the study shows how to overcome terrorism. The findings of this study show that Islam denied the relationship between jihad and terrorism as done by the Jemaah Kiai Gadil. In Islam, there is no jihad if it is associated with violence. Only those who are ignorant of the true teaching of Islam and those with psychological problems like Kemala will commit terrorism. This study also shows that with a softer (non-military) approach, such as identifying the roots of terrorism in Islam, the understanding of the true jihad in Islam will be comprehended, and inadvertently this approach will also erode Islamophobia.

**Keywords and phrases:** terrorism, jihad, Islam, *Islamophobia*, psychosocial approach

## Pendahuluan

Setelah berakhirnya Perang Dingin antara Blok Barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat (AS) dengan Blok Komunis yang diketuai oleh Rusia, muncul satu lagi perperangan, iaitu perperangan terhadap terorisme. Peristiwa pengeboman Pusat Dagangan Dunia di New York, AS pada 11 September 2001, telah menjadi titik tolak perperangan terhadap terorisme. Peristiwa 11 September 2001 ini dikatakan angkara pengganas yang didalangi oleh al-Qaeda, iaitu satu organisasi pengganas global (Syed Saleem Shahzad 2011). Semenjak 11 September 2001, terorisme telah menjadi subjek kajian yang popular kerana kejadian-kejadian yang berkaitan dengan terorisme telah berlaku di negara Barat, Timut Tengah dan Asia Tenggara.

Indonesia merupakan sebuah negara di Asia Tenggara yang memiliki kegiatan terorisme, selain Filipina. Pengalaman secara langsung tersebut telah menjadikan novel yang dipilih dari Indonesia ini lebih dekat dengan konteks kajian berkenaan. Di Malaysia, belum ada sebuah novel pun yang membincangkan terorisme secara mendalam seperti novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. Novel Malaysia yang paling hampir dalam memperkatakan terorisme ialah novel yang bertajuk *Khilaf* (2017)

karya Salina Ibrahim. Namun begitu, novel tersebut merupakan sebuah novel remaja yang perbincangannya tentang terorisme tidak mendalam berbanding novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. Tambahan pula, pengalaman tentang terorisme lebih dekat dengan pengarang-pengarang Indonesia berbanding Malaysia. Dengan perkataan lain, pemilihan novel dari Indonesia mempunyai justifikasi yang mantap dari segi latar politik yang berkaitan dengan terorisme berbanding novel dari Malaysia.

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*, khususnya di Indonesia. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dihasilkan oleh Qurrotul Ainiy dan Mantik (2018) yang bertajuk *Perempuan, Laki-laki, dan Terorisme dalam Novel Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. Kajian tersebut membincangkan ketidakadilan gender yang berlaku kepada watak Kemala dalam pergelutannya mengharungi terorisme. Selain itu, hubungan antara terorisme dalam novel ini dengan kejadian terorisme di Indonesia, khususnya di Jakarta, turut dibincangkan. Seterusnya, terdapat satu lagi kajian yang bertajuk *The Principle of Courtesy in Novel Demi Allah, Aku Jadi Teroris by Damien Dematra* oleh Faleriana, Charline dan Burhanudin (2018). Kajian tersebut membincangkan prinsip-prinsip sopan-santun seperti dermawan, sederhana, simpati dan pujiyan yang terdapat dalam novel ini. Namun demikian, kedua-dua kajian berkenaan tidak membincangkan terorisme dan Islam secara tuntas. Terdapat satu tesis sarjana oleh Slamet (2012) yang bertajuk “Perubahan Ideologi Islam Mengenai Terorisme pada Tokoh Utama dalam Novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* Karya Damien Dematra: Kajian Psikologi Sastera”. Tesis tersebut menemukan faktor-faktor yang menyebabkan Kemala melakukan terorisme. Faktor-faktor berkenaan ialah trauma masa lalu, indoktrinasi agama dan kejadian rogol. Tesis berkenaan juga membincangkan perubahan Kemala daripada pengganas kepada muslimah yang beriman dan perubahan ini disebabkan oleh pengajaran yang diterimanya tentang hakikat agama Islam yang sebenar. Sungguhpun tesis tersebut membincangkan terorisme dan Islam, namun perbincangan tesis berkenaan tidak memberi perhatian terhadap konsep jihad dan keganasan mengikut Islam yang sebenar. Tesis tersebut juga tidak meletakkan watak Kemala dan terorisme dalam konteks yang lebih luas, seperti perkembangan *Islamophobia* dan hubungannya dengan terorisme global. Kekurangan kajian-kajian lalu terhadap novel ini telah membuka ruang kajian baharu yang lebih luas, mendalam dan kritis. Maka, makalah ini mengetengahkan satu perbincangan dan analisis yang baharu terhadap novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* iaitu membincangkan punca berlakunya terorisme, konsep jihad yang sebenar dalam Islam dan kemunculan *Islamophobia*.

## Terorisme

Terdapat pelbagai pihak cuba mendefinisikan terorisme dan pelbagai tafsiran juga telah dikaitkan dengan kejadian-kejadian keganasan dan dilabelkan sebagai angkara terorisme. Adakah kejadian tersebut benar-benar berkaitan dengan terorisme? Keadaan ini telah menimbulkan perdebatan yang sengit tentang sejauh mana kejadian tersebut benar-benar berkaitan dengan terorisme. Namun begitu, sehingga kini belum ada satu definisi yang dapat diterima oleh semua pihak lantaran wujudnya kepentingan ideologi kumpulan-kumpulan tertentu dalam pentafsiran yang diberikan. Namun demikian, kekurangan ini dapat diatasi dengan meneliti ciri terorisme. Penelitian ciri terorisme akan membantu kita memahami terorisme dengan cara yang lebih objektif. Berdasarkan ciri terorisme yang ditambah pula dengan pendekatan tertentu, terorisme boleh dikaji dengan lebih sistematik dan meyakinkan. Sebuah novel dari Indonesia telah dipilih untuk kajian ini bagi menunjukkan bahawa karya sastera seperti novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* (2009), karya Damien Demantra mampu memperjelas maksud terorisme dan puncanya berdasarkan kerangka konsep dan teori yang berkaitan dengan terorisme.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Majlis Keselamatan (*Security Council*) telah mengeluarkan satu laporan pada 2 Disember 2004 tentang terorisme. Laporan tersebut antara lain menyatakan bahawa terorisme telah melanggar Konvensi Geneva (*Geneva Convention*), iaitu terorisme merupakan suatu jenayah terhadap kemanusiaan (Chandler dan Gunaratna 2007, 203). Pandangan umum Majlis Keselamatan ini diwujudkan dengan tujuan agar PBB melaksanakan undang-undang jenayah antarabangsa terhadap terorisme. Walaupun begitu, PBB sering keberatan untuk melaksanakan peranan tersebut (Chandler dan Gunaratna 2007, 204). Hal tersebut boleh difahami kerana AS ialah dalang di sebalik PBB dan peperangan terhadap terorisme mempunyai kepentingannya sendiri. Sehubungan itu, masih belum ada satu definisi terorisme yang disepakati oleh semua pihak. Sungguhpun demikian, untuk memahami erti terorisme adalah perlu dan boleh ditemui ciri-ciri terorisme seperti yang ditegaskan oleh Combs (2000, 7):

Although it has not been possible yet to create a universally acceptable definition of terrorism, it is both possible and necessary to specify certain features common to the phenomenon. This in turn makes it feasible to create an operational definition of this term.

Menurut Combs (2000, 15) lagi, terdapat sekurang-kurangnya empat ciri terorisme:

Terrorism is an act comprised of at least four crucial elements; (1) It is an act of violence, (2) it has a political motive or goal, (3) it is perpetrated

against innocent persons, and (4) it is staged to be played before an audience whose reaction of fear and terror is the desired result.

Dengan kata lain, terorisme merupakan suatu bentuk keganasan dengan tujuan politik yang menimbulkan ketakutan dan sasaran kegiatan ini ialah orang ramai yang tidak berdosa dan ciri-ciri ini terdapat pada kumpulan pengganas yang terkenal, seperti al-Qaeda. Justeru, terorisme tidak memperlihatkan suatu tindakan yang murni namun lebih kepada kepentingan politik golongan tertentu seperti al-Qaeda yang mencetuskan fenomena yang menakutkan.

### **Al-Qaeda**

Serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York pada 11 September 2001 telah mencabar maruah AS sebagai satu kuasa dunia. Sebelum itu, terdapat beberapa negara Arab, seperti Iraq dan Libya, cuba membebaskan diri daripada cengkaman AS dan hal ini tidak disenangi oleh kuasa besar dunia tersebut. Risikan AS mendapati bahawa al-Qaeda telah terlibat dalam serangan berkenaan lantas telah dilabelkan oleh AS sebagai pertubuhan pengganas. Lantaran itu, AS telah mengetuai perancangan untuk menghapuskan terorisme yang dicetuskan oleh al-Qaeda.

Al-Qaeda bermula sebagai sebuah kumpulan kecil yang berjuang menentang tentera Rusia yang bertapak di Afghanistan. Pejuang-pejuang tersebut dikenali sebagai mujahidin dan al-Qaeda dianggotai oleh golongan mujahidin. Sebenarnya, kumpulan al-Qaeda yang diketuai Osama bin Laden telah dibiayai dan dilatih oleh negara-negara yang tidak suka akan Rusia, khususnya AS. Setelah mengalahkan Rusia, al-Qaeda bertapak di Afghanistan dan sungguhpun Afghanistan telah berada di bawah penjajahan AS, pengaruh al-Qaeda tidak merosot. Al-Qaeda mula bertindak balas dengan memperluas pengaruhnya secara lebih agresif. Setelah Rusia dikalahkan dan diusir dari Afghanistan pada tahun 1989, al-Qaeda telah menjadi satu kumpulan yang lebih kecil bilangan ahlinya kerana masalah kecederaan atau kematian dalam perang tersebut. Sungguhpun demikian, pengaruh al-Qaeda tidak terjejas kerana al-Qaeda mengubah strategi dengan menggunakan pendekatan baharu, iaitu bergerak sebagai satu pergerakan dan bukan kumpulan. Perubahan strategi ini telah membawa kesan yang besar kepada al-Qaeda dan meluaskan lagi pengaruh pergerakan tersebut ke beberapa benua lantas membawa ancaman baharu yang lebih besar kepada dunia. AS yang membantu al-Qaeda sewaktu mengalahkan Rusia telah memburu pergerakan berkenaan (Geltzer 2010; Kepel dan Milelli 2008). Pemburuan tersebut telah menimbulkan pelbagai peristiwa serangan terhadap pengganas, termasuklah yang berlaku di Indonesia. Pengaruh

al-Qaeda ini dibincangkan secara tidak langsung dalam novel yang dikaji melalui kegiatan Jemaah Kiai Gadil.

Dengan menggunakan peristiwa 11 September 2001, AS telah melancarkan perang untuk menawan Iraq dan Libya dengan alasan negara-negara tersebut menyokong kegiatan terorisme. Pada masa yang sama, AS terus memburu al-Qaeda dan pengikut pergerakan berkenaan di seluruh dunia. Seperti yang dinyatakan pada waktu tersebut, al-Qaeda bukan lagi sebuah kumpulan tetapi sebuah pergerakan ideologi yang menekankan keperluan untuk umat Islam berjihad. Menurut Chandler dan Gunaratna (2007, 28):

... a hunted al-Qaida has turned to investing in ideological role, using the Internet and the media. As a result of this sustained propaganda, several groups not operationally linked to al-Qaida have taken to following the al-Qaida model.

Jihad menjadi perkara pokok dalam perjuangan al-Qaeda. Apakah yang dimaksudkan dengan jihad? Jihad dalam Islam berhubung kait dengan perjuangan yang bersungguh-sungguh di jalan Allah (*al-jihad fi sabil Allah*) serta merupakan jihad ke arah perdamaian namun al-Qaeda meletakkan jihad dalam konteks perjuangan menentang AS dan kepentingannya lantas jihad yang diperjuangkan oleh al-Qaeda ialah jihad yang dikaitkan dengan keganasan. Al-Qaeda telah memberi satu persepsi negatif terhadap jihad. Oleh yang demikian, kajian tentang jihad oleh al-Qaeda memberi perhatian kepada sebab dan konteks jihad berkenaan. Mengikut Faisal (2005, xv):

Studies of al-Qaeda's jihad tend to focus on its violence, thus bringing together the most divergent intellectual and political opinions into a single narrative seeking to explain the causes and contexts of this violence.

Jihad oleh al-Qaeda merupakan jihad yang berasaskan keganasan dan hal demikian memberi dimensi pemahaman yang bertentangan dengan konsep jihad yang sebenar dalam Islam. Jihad dan keganasan yang dibawa oleh al-Qaeda telah menyebabkan jihad itu dihubungkan dengan punca dan konteks keganasan itu terjadi. Misalnya, ada sarjana Islam seperti John Esposito menghubungkan jihad keganasan yang dibawa oleh al-Qaeda dengan politik dan ekonomi (Faisal 2005). Dengan kata lain, jihad yang dibawa oleh al-Qaeda ialah jihad yang berkaitan dengan keganasan dan jihad ini dapat difahami dengan melihat punca dan konteksnya.

Jihad menentang AS dan kepentingannya oleh al-Qaeda mempunyai kaitan dengan politik dan menjadi jihad yang global kerana pengaruhnya sangat luas. Ideologi

berasaskan jihad yang diamalkan oleh al-Qaeda begitu berpengaruh sehingga kumpulan-kumpulan yang tiada hubungan secara operasional dengan pergerakan tersebut turut mengikuti model yang diguna pakai oleh al-Qaeda. Namun begitu, apakah matlamat ideologi ini? Menurut Chandler dan Gunaratna (2007, 158):

The overarching ideological goals of al-Qaida, to expel foreign forces from the Islamic caliphate, facilitate the organization of regional and local groups.

Pengaruh jihad al-Qaeda telah meluas dengan meliputi negara-negara di Timur Tengah, Afrika dan Asia Tenggara, termasuklah Indonesia dan Filipina. Pengaruh al-Qaeda di Indonesia terjadi selepas tahun 1998 sewaktu iklim demokrasi lebih baik setelah rejim Suharto ditewaskan. Manurut Chandler dan Gunaratna (2007, 33–34):

While existing Islamist groups have grown stronger, several new ones have emerged in Indonesia. After democracy returned to Indonesia in 1998, the Islamists are exploiting the political space to grow of the 14,500 Islamic schools, some 200 preach violet jihad and 40 have produced terrorists. Some of the graduates travel to Mindanao, in the Philippines, where terrorist training camps are still active.

Ideologi al-Qaeda telah mempengaruhi satu pergerakan di Indonesia yang dikenali sebagai Jemaah Islamiah (Chandler dan Gunaratna 2007, 31). Beberapa kejadian terorisme di Indonesia telah dikaitkan dengan Jemaah tersebut, seperti peristiwa letupan di Pulau Bali pada tahun 2002 dan juga di Jakarta pada tahun 2003 dan 2016. Kejadian pada tahun 2002 melibatkan tiga letupan, dengan salah satu letupan disasarkan berdekatan dengan pejabat Konsulat AS di Bali. Pada tahun 2003, berlaku letupan di Hotel JW Marriot, Jakarta dan pada tahun 2016 pula, pengebom bunuh diri telah meletupkan dirinya di kedai minum Starbuck, Gedung Sarinah, Jakarta. Hal ini dipercayai dilakukan oleh *Islamic State of Iraq and Suriah* (ISIS) atau *Al-Qaeda in Iraq*, iaitu satu lagi gerombolan pengganas yang berkaitan dengan al-Qaeda. Sasaran pengganas ini berkaitan dengan AS. Marsda TNI (Pur) Prayitno (2017) telah membincangkan kes-kes yang berkaitan dengan terorisme di Indonesia dengan rinci, khususnya yang berkaitan dengan al-Qaeda dan ISIS.

## Jihad, Islam dan Barat

Jihad dan Islam merupakan dua istilah operasional yang digunakan dalam pendekatan psikososial kajian ini. Persekitaran yang berhubungan dengan kempen-kempen terorisme oleh Jemaah Kiai Gadil mempunyai kaitan dengan psikologi Kemala. Watak wanita tersebut bukan sahaja mempunyai pemahaman yang

dangkal tentang jihad bahkan turut menghadapi masalah psikologi yang berkaitan dengan ketiadaan kasih sayang seorang ayah serta kesan trauma akibat dirogol. Dua kesan psikologi tersebut sangat menganggu Kemala sehingga beliau mencari satu eskapisme dan tanpa disedari terlibat dengan Jemaah Kiai Gadil yang sedang merekrut pengebom berani mati atas konsep jihad yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Perkataan jihad yang berasal daripada akar kata *jahada* bermaksud berusaha bersungguh-sungguh atau berusaha keras. Dalam pengertian syarak, jihad secara umum bermaksud “berjuang dalam perperangan, berjuang menentang hawa nafsu, berjuang untuk menegakkan keadilan dan kebenaran dalam lain-lain perjuangan pada jalan Allah dan meninggikan kalimah Allah” (Amat 1987, 7). Dengan kata lain, terdapat dua perkara penting tentang jihad iaitu berdakwah dan berperang dan kedua-dua perkara tersebut berkaitan dengan usaha mempertahankan syiar Islam. Sehubungan itu, Islam dikaitkan dengan jihad dan jihad merupakan suatu tindakan yang suci untuk menegakkan Islam.

Walaupun demikian, sejak kebelakangan ini, jihad telah dikaitkan dengan pergerakan anti-Amerika yang dianggap sebagai musuh Islam yang utama selepas berakhirnya Perang Dingin dan tumpasnya Rusia di bumi Afghanistan di tangan tentera AS. Tempat-tempat yang berkaitan dengan kepentingan AS telah dijadikan sasaran oleh mereka yang menyokong jihad tersebut. Ekoran itu, keganasan telah dikaitkan dengan golongan pelampau seperti al-Qaeda. Oleh sebab jihad berkaitan dengan Islam, justeru bagi yang bukan beragama Islam atau yang tidak faham dengan Islam yang sebenar, Islam ditanggapi sebagai ancaman kepada keselamatan dan kesejahteraan manusia. Menurut Noorani (2002, 45):

Many Muslims realize that the word jihad has become a disturbing term for non-Muslims, who connect it with religious extremism and indiscriminate violence. Muslims do not look at it that way. For them the word signifies a positive concept which may be and frequently, is misinterpreted either by Muslims themselves or by non-Muslims.

Miller mendapati wujud perbezaan tanggapan terhadap makna jihad oleh orang bukan Islam dan juga sesetengah orang Islam. Jihad dianggap sebagai suatu tindakan melampau dan memperjuangkan keganasan dan seolah-olah suatu fobia bagi mereka. Tanggapan negatif golongan bukan Islam, khususnya masyarakat Barat terhadap makna jihad telah diperkatakan oleh Abul A'La al-Maududi (1987, 17) yang antara lain menyatakan bahawa masyarakat Barat mentafsirkan kata jihad dengan tafsiran yang keliru, iaitu perang dan pertumpahan darah. Ekoran itu, Islam

dan umat Islam ditampilkan dalam posisi yang salah kerana pemahaman tentang jihad tersebut.

Kesan daripada perkara tersebut, lahirlah *Islamophobia*. Wacana *Islamophobia* menganggap Islam sebagai ancaman kepada kesejahteraan dunia dan manusianya. Dari aspek sejarah, fundamentalisme Islam dalam kalangan segelintir masyarakat Islam yang menerima Islam sebagai satu ideologi politik sahaja telah muncul sejak sebelum kewujudan *Islamophobia* lagi. Sebagai satu ideologi politik, fundamentalisme Islam telah mengaitkan jihad dengan konsep negara Islam (*Islamic State*) dan menggunakan jihad sebagai alat untuk mencapainya atau merealisasikannya (Noorani 2002, 68–69). Namun demikian, apakah yang dimaksudkan dengan negara Islam? Golongan fundamentalisme menegaskan bahawa negara Islam menggunakan perlembagaan Islam yang jelas menolak hal-hal yang berkaitan dengan kemungkaran. Menurut Noorani (2002, 77–78):

Thus a state which does not take interest in establishing virtue and eradicating vice and in which adultery, drinking, gambling, obscene literature, indecent films, vulgar song, immoral display of beauty, promiscuous mingling of men and women. Co-education, etc., flourish without let or hindrance cannot be called an Islamic State. An Islamic Constitution must declare the above mentioned objectives as the primary duty of the state.

Golongan fundamentalis Islam telah menyempitkan tujuan sebenar jihad lantas jihad dilihat sebagai suatu usaha untuk mengeksplot politik bagi menegakkan konsep negara Islam yang berasaskan undang-undang Islam.

Kecenderungan fundamentalisme semakin lemah setelah jihad diangkat sebagai satu perjuangan yang global. Jihad tidak lagi dilakukan demi pembentukan negara Islam namun dilaksanakan sebagai satu perjuangan terhadap negara-negara yang menentang Islam, khususnya negara sekular seperti AS. Negara Islam seperti Indonesia juga tidak terkecuali kerana dilihat sebagai tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar atau pro-Barat yang terang-terangan menentang Islam. Maka, jihad menjadi satu penggerakan global di bawah pengaruh individu seperti Ayman al-Zawahri daripada Muslim Brotherhood dan Osama bin Laden daripada al-Qaeda. Menurut Faisal (2005, 31), terdapat dua faktor yang menyebabkan jihad menjadi pergerakan global.

Two factors make the jihad into a global movement: the failure of local struggles and the ability to control a global landscape of operations by the politics of intentionality. These factors entail a radical individuation of Islam that is divorced from modes of collective solidarity and action

based on some common history of needs, interests or ideas, as is the individuation of action in other global movements.

Jihad sebagai satu pergerakan global telah muncul di beberapa tempat di Indonesia dan juga beberapa bandar utama negara-negara lain, seperti Nairobi, Dar-es-Salaam, New York dan Washington. Kumpulan jihad tersebut menentang pemerintah yang dianggap sebagai anti-Islam atau tidak Islam.

Walaupun jihad menjadi satu perjuangan global dan tidak berasaskan perjuangan sesebuah negara, namun unsur fundamentalisme masih berpengaruh, seperti yang berlaku dalam novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. Pada ketika jihad menjadi perjuangan global dan boleh berlaku di mana-mana tempat maka jihad tersebut telah menimbulkan ketakutan dalam kalangan masyarakat dunia. Menerusi pandangan sempit dan kurang tepat tentang jihad, masyarakat Barat terperangkap dalam satu wacana yang dikenali sebagai *Islamophobia*.

### **Terorisme dan *Islamophobia***

Peristiwa serangan terhadap bangunan Pusat Dagangan Dunia New York pada 9 September 2001 telah menyebabkan AS dan sekutu-sekutunya di Eropah mengisyiharkan perang terhadap terorisme. Pengisyiharan ini juga telah menyebabkan muncul satu fenomena yang dikenali sebagai *Islamophobia*. Islam dan penganutnya atau umat Islam telah dikaitkan dengan terorisme. *Islamophobia* merupakan suatu ketakutan yang melampau, prejedis dan kebencian AS dan Eropah terhadap agama Islam dan umatnya dan mereka yang seperti golongan Islam ini (Amnesty International 2012; Rana 2007). *Islamophobia* merupakan satu isu yang serius di negara-negara tersebut. Hal demikian terjadi kerana peranan media dan pelbagai laporan negatif tentang Islam dan orang Islam secara agresif telah membuat satu generalisasi yang salah dan mempengaruhi pandangan buruk masyarakat Barat terhadap Islam dan umat Islam. Tegasnya, masyarakat Barat tidak mendapat maklumat yang sebenar tentang Islam dan penganutnya. Islam, satu agama yang membenci keganasan telah digambarkan sebagai agama yang menggalakkan keganasan. Sentimen anti-Islam dan penganutnya telah meningkat secara drastik di Eropah, seperti Jerman, Perancis dan United Kingdom sehingga menyebabkan berlaku ketegangan dalam masyarakat di kawasan tersebut. Tambahan pula, berlaku peningkatan golongan pendatang Islam di Eropah yang dilihat sebagai satu ancaman kepada penduduk tempatan (Appadurai 2006). Dengan kata lain, *Islamophobia* telah mengaitkan Islam dan umat Islam dengan terorisme dan keganasan.

### Novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris*

Indonesia mempunyai pengalaman berkenaan terorisme berbanding dengan Malaysia. Pengalaman langsung tersebut telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada masyarakat. Umumnya, peristiwa-peristiwa ganas ini telah menyebabkan masyarakat tempatan dan antarabangsa takut akan Islam dan penganutnya. Peristiwa tersebut juga menimbulkan inspirasi penulis untuk dijadikan sebagai bahan menghasilkan novel seperti yang dilakukan oleh Damien Dematra. Beliau telah menghasilkan sebuah novel yang bertajuk *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* (2009). Novel ini dihasilkannya selepas peristiwa keganasan oleh para pengganas di Indonesia pada tahun 2002 dan 2003. Tegasnya, novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* terlalu dekat dengan terorisme dan sesuai untuk dikaji bagi memahami terorisme, khususnya di Indonesia.

*Demi Allah, Aku Jadi Teroris* mengisahkan seorang gadis yang sedang mengikuti pengajian kedoktoran di sebuah universiti yang terlibat dengan kegiatan terorisme. Kemala Kurnia merupakan gadis malang semenjak dilahirkan. Beliau dilahirkan sebagai anak luar nikah. Setelah kematian ibunya, Kemala telah dipelihara oleh seorang wanita yang penyayang namun Kemala membesar tanpa kasih sayang seorang lelaki, iaitu bapanya. Kekosongan itu telah cuba diisi dengan mengikuti kelas agama bersama-sama beberapa orang rakannya. Namun begitu, pelajar perubatan seperti Kemala telah diindoktrinasi dengan ideologi al-Qaeda oleh kumpulan Jemaah yang memperjuangkan negara Islam dan membenci mereka yang melakukan kemungkaran dan maksiat. Kemala semakin terpesong setelah beliau dirogol dan beliau melihat kehidupan dunianya tidak lagi bermakna. Golongan Jemaah Kiai Gadil telah meyakinkannya bahawa kehidupan di syurga pasti lebih baik bagi mereka yang sanggup berkorban dan berjihad. Kemala ingin mengorbankan dirinya dan mati syahid, iaitu mati mengikut pengertian Jemaah tersebut dengan syurga sebagai janjinya. Kemala telah dipersiapkan untuk melakukan pengorbanan dengan meletupkan dirinya di sebuah pusat hiburan. Kemala dibantu membina keyakinan terhadap tindakan yang bakal beliau lakukan tersebut. Akhirnya, Kemala bertekad untuk meletupkan dirinya di Bistro Americana dan hampir-hampir berjaya meletupkan dirinya. Walaupun demikian, Prakasa seorang petugas skuad anti-pengganas telah jatuh cinta kepada Kemala dan menyelamatkannya. Novel satu kesudahan yang menggembirakan. Namun begitu, penulis novel ini ada meninggalkan mesej yang berbentuk pesanan untuk mencegah keganasan.

## Kemala Kurnia Pelaku Terorisme

Novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* banyak membincangkan pelaku terorisme, iaitu Kemala Kurnia. Mengapakah pelaku terorisme seperti Kemala Kurnia sanggup meletupkan dirinya dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah? Dengan menggunakan pendekatan psikososial, persoalan tentang Kemala Kurnia dan penglibatannya dengan terorisme cuba dijawab. Bagi Bartol (2002, xi), pendekatan psikososial ialah:

...understanding of many levels of events that influence a person's live course – from the individual to the individual's family, peers, schools, neighborhoods, community, culture and society as a whole.

Dengan kata lain, pendekatan psikososial menegaskan bahawa terorisme bukan sahaja berkaitan dengan pengaruh sosial dan politik malah psikologi pelaku itu. Maksudnya, pelakuan pengganas dibentuk oleh personaliti pelaku, proses sosialisasi dan interaksi sosial.

## Personaliti Kemala

Kemala Kurnia merupakan anak luar nikah Madewi dan Wisnu. Madewi meninggal dunia kerana barah otak namun sebelum itu, Kemala diserahkan kepada Mirasati, teman baik ibunya. Pada satu ketika, Wisnu cuba memberitahu Kemala Kurnia bahawa beliau ialah ayahnya tetapi tidak ada kata-kata yang terucap kerana kekangan isteri dan anak-anaknya (Damien 2009, 46). Sebelum meninggal dunia dalam kemalangan, Wisnu telah memberikan sekeping cek bernilai 500 juta rupiah kepada Mirasati bagi perbelanjaan Kemala. Sungguhpun wang sebanyak itu mencukupi dari segi keperluan hidup, Kemala mendapati wujud rahsia antara dirinya dengan bapanya setelah menyedari bahawa Wisnu merupakan bapanya. Bapa Kemala tidak bersungguh-sungguh menerima sebagai seorang anak kerana kekangan daripada keluarga isteri dan anak-anaknya yang sah. Wisnu bimbang hubungannya dengan Kemala akan menimbulkan isu kekeluargaan dan moral. Sikap bapanya itu telah meninggalkan kesan psikologi yang mendalam dalam diri Kemala. Kemala dapat merasakan bahawa bapanya tidak ingin mengetahui hal dirinya secara lebih jelas dan mendalam. Sungguhpun Kemala cuba menyembunyikan masalah itu daripada timbul dalam pemikiran sedarnya, namun Mirasati dapat membaca tekanan tersebut berdasarkan bahasa badannya. Kemala sendiri turut menyatakan perasaan yang bergolak dalam dirinya:

Ayahku tidak ingin aku mengetahui tentangnya lebih banyak. Kurasa, aku juga tidak akan mengungkitnya lagi. (Damien 2009, 56)

Kemala berasa terkilan dengan sikap Wisnu yang menjauhkan diri daripadanya dan kecewa dengan hal yang terjadi. Kekecewaan itu cuba disembunyikan oleh Kemala dan tekanan ini telah menyebabkan Kemala menutup dirinya daripada orang lain. Cinta Kemala kepada bapanya tidak dapat diluahkan sebaliknya membeku dan mengganggu dirinya. Terdapat kekosongan yang besar dalam diri Kemala dan kekosongan ini cuba ditutupinya. Hal ini diakui oleh Mirasati:

Sudah bertahun-tahun merawat dan memelihara Kemala, namun segelintir perasaan dalam dada Mirasati selalu merasa bahwa Kemala tidak pernah benar-benar terbuka padanya. Ada sebagian dalam diri Kemala yang ditutupnya dan tidak ada seorang pun dapat menyentuh bagian itu ... dan Mirasati yakin, Kemala pun tidak pernah menyentuh bagian itu; sebuah lubang luka yang menganga lebar dalam hatinya namun tertimbun cinta dan kebahagian yang ditumpukan Mirasati. (Damien 2009, 54)

Damien dengan terang menjelaskan pergolakan jiwa yang sedang dilalui oleh Kemala. Damien memberitahu pembaca berkenaan masalah psikologi yang sedang dialami oleh Kemala sungguhpun beliau mendapat kasih sayang dan perhatian yang sepenuhnya daripada ibu angkat beliau, Mirasati. Wang yang diamanahkan oleh Wisnu kepada Mirasati bagi digunakan untuk kesejahteraan Kemala telah digunakan dengan baik oleh Mirasati dalam menjaga Kemala. Namun begitu, Mirasati mendapati wujud kesepian jauh dalam hati Kemala.

### **Sosialisasi, Interaksi Sosial dan Beragama**

Islam merupakan agama yang mementingkan keamanan dan benci akan keganasan. Namun begitu, pemahaman yang silap terhadap ajaran Islam telah menyebabkan umatnya berada dalam kebatilan dan membuat angkara di bumi dan terhadap penghuninya. Terdapat banyak sebab yang membuatkan seseorang Islam itu terjebak dengan ajaran Islam yang songsang. Antara sebab-sebab tersebut adalah masalah psikologi dan pemahaman Islam yang dangkal. Terdapat juga umat Islam yang mengambil kesempatan terhadap kelemahan orang Islam yang lain demi mengejar cita-cita yang terpesong daripada ajaran Islam dan memenuhi hawa nafsu kuasa politik yang keliru.

Ketika berada di universiti kerana mengikuti program kedoktoran, kesepian dan kekosongan dalam diri Kemala semakin terasa sungguhpun beliau dikelilingi oleh kawan-kawan sekuliah. Damien (2009, 72) menjelaskan kekosongan Kemala tersebut:

Akhir-akhir ini Kemala merasa semakin kesepian. Ia merasa hidupnya mulai kosong. Yang dikerjakan hanya belajar-belajar, dan belajar lagi. Ia memiliki cukup banyak teman, dan kalau ia ingin pergi, maka ia dapat menelepon mereka, tapi Kemala tidak ingin melakukannya juga.

Sungguhpun Kemala dan teman-temannya merupakan golongan berpelajaran, namun rohani mereka kosong. Sosialisasi dan interaksi sosial merupakan satu manifestasi hubungan horizontal manusia namun manusia memerlukan satu lagi bentuk hubungan, iaitu hubungan vertikal yang bersifat kerohanian. Melalui hubungan vertikal ini, manusia dapat memenuhi kekosongan rohani seperti yang diperlukan oleh Kemala dan teman-teman sekuliahnya. Beragama merupakan manifestasi hubungan vertikal tersebut dan Kemala merasakan dirinya perlu mencari dan mendalami ilmu agama Islamnya yang masih cetek.

Kemala dan beberapa orang teman kemudiannya memasuki kelas-kelas agama kelolaan Ustaz Amir kerana mereka merasakan wujud kekosongan dalam jiwa yang perlu diisi. Kekosongan jiwa ini menyebabkan mereka dilanda kesepian. Selain itu, belajar untuk menjadi seorang doktor bukan segala-galanya. Terdapat sesuatu yang kurang, iaitu membajai jiwa yang kosong dengan mengenal diri dan Tuhan yang mencipta mereka. Maka, bergurulah mereka dengan seorang ustaz yang dipercayai dapat membimbing mereka untuk memenuhi kekosongan jiwa tersebut. Mereka mengikuti kelas agama yang dikelolakan oleh Ustaz Amir yang merupakan salah seorang kader bagi satu kumpulan pengganas yang dikenali sebagai Jemaah yang diketuai oleh Kiai Gadil. Jemaah Kiai Gadil ini memperjuangkan sebuah negara Islam yang kyonnya lebih baik daripada kerajaan yang ada. Bagi mencapai tujuan tersebut, Kiai Gadil dan pengikut-pengikutnya telah mempergunakan Islam mengikut kefahaman mereka.

Melalui kelas agama ini, Kemala diperkenalkan dengan maksud Islam, iaitu Islam ialah satu agama yang selamat. Namun begitu, mengikut Ustaz Amir, negara yang mereka diami tidak selamat kerana terdapat pelbagai kegiatan mungkar, seperti pembuangan bayi, pembunuhan, penculikan dan penganiayaan (Damien 2009, 77). Di sini, Ustaz Amir telah memesangkan pengertian Islam sebagai agama yang selamat. Selamat di sini bermaksud Islam sebagai satu agama yang suka akan kehidupan yang selamat dan sejahtera. Segala kebobrokan perlu diatasi secara bijaksana dan bukan melarikan diri kepada sesuatu yang mudah diucapkan, iaitu syurga. Seterusnya, Ustaz Amir menggunakan ayat al-Quran (Surah Muhammad, ayat 15) yang menjelaskan syurga adalah untuk mereka yang bertakwa. Beliau menghuraikan keadaan syurga yang dikatakan penuh dengan kebahagiaan secara terperinci. Kemudian, Ustaz Amir mengajukan beberapa soalan yang dapat memancing rasa ingin tahu mereka tentang peluang untuk ke syurga tersebut:

“Indahnya Syurga, bukan? Apakah kalian ingin tinggal di sana? Tentu saja! Tidak ada yang tidak ingin menikmati pahala. Tapi apa yang terjadi sekarang? Beberapa dari kita masih hidup dalam sebuah dinding pentas yang membelanggu kita. Apa itu pembatas-pembatas yang ada?” Kemudian Ustadz Amir dengan fasih, tenang, sabar, dan penuh keyakinan berbicara mengenai kehidupan yang ideal di bawah Syariah Islam sampai akhirnya, menjelang akhir pengajian, ia bertanya, “Apakah menurut kalian hal ini mustahil?”. (Damien 2009, 78)

Kemala yang kesepian telah diberi suntikan harapan kebahagian di syurga oleh Ustaz Amir. Syurga ialah tempat yang dapat mengisi kesepian dan kekosongan dalam dirinya kerana syurga dikaitkan dengan alam rohani. Maka, apakah yang perlu dilakukan oleh Kemala untuk mencapai syurga? Ustaz Amir telah memberikan jawapannya, iaitu berhijrah, berhijrah ke sebuah negara yang mengamalkan syariat Islam sepenuhnya. Ustaz Amir menggunakan ayat-ayat al-Quran untuk meyakinkan Kemala tentang hijrah ini seperti yang terdapat dalam Surah An-Nisaa, ayat 100 yang membincangkan hijrah ke jalan Allah. Kata Ustaz Amir kepada Kemala dan teman-temannya:

“Nah, teman-teman, begini,” tangannya bertumpu pada lantai. “Seperti yang telah selama beberapa lama ini kita yakini bersama, kalian harus hijrah ke dalam negara Islam sepenuhnya”.

“Negara dalam negara?”

“Ya, dan negara ini milik kita, dimiliki hanya oleh umat Muslim dan tunduk pada hukum Syariat Islam”. (Damien 2009, 91)

Kemala disarankan agar berhijrah ke sebuah negara Islam yang mengamalkan syariat Islam sepenuhnya. Pengaruh fundamentalisme Islam kepada Jemaah didapati berlaku di sini. Konsep hijrah oleh Ustaz Amir merupakan konsep hijrah yang sempit dan bermotifkan politik. Mereka yang menentang konsep negara Islam dianggap sebagai kafir dan perlu dihapuskan. Konsep hijrah yang dituntut oleh Islam ialah hijrah ke arah kebaikan, bukan kemusnahan seperti membunuh orang yang tidak berdosa. Ustaz Amir telah memainkan sentimen agama untuk membakar semangat Kemala dan teman-temannya bagi tujuan yang salah. Syaranan Ustaz Amir merupakan peringkat pertama proses indoktrinasi dengan ideologi al-Qaeda yang dilalui oleh Kemala. Beliau telah diajarkan tentang syurga dan pengorbanan serta menegakkan sebuah negara Islam yang mengamalkan syariat Islam sepenuhnya dan mereka yang bukan Islam perlu dihapuskan, seperti yang diperjuangkan oleh al-Qaeda.

Demi menguatkan azam untuk berkorban dan memperoleh satu kehidupan berteraskan syariat Islam sepenuhnya, Kemala dan teman-temannya, iaitu Rafa dan Purbani telah mengangkat sumpah taat setia atau baiah kepada pemimpin jemaah yang diikuti. Sebagai anggota Jemaah yang sah, mereka diminta untuk taat setia dan berkorban. Sekiranya mereka melanggar baiah tersebut maka mereka akan dihukum oleh Allah berlandaskan ayat al-Quran yang dibacakan, iaitu Surah An-Nissa, ayat 59 (Damien 2009, 109). Selepas baiah tersebut, dengan tiba-tiba Kemala dan teman-temannya merasakan suatu kelainan, iaitu mereka berasa lebih tinggi dan mulia berbanding dengan orang lain.

Kemala telah direkrut oleh Jemaah Kiai Gadil untuk menjadi pejuang mereka. Konsep pengorbanan yang diajarkan kepada Kemala oleh Ustaz Amir berbeza dengan konsep pengorbanan yang disampaikan oleh arwah ibu angkatnya, Mirasati. Arwah ibu angkatnya pernah membincangkan perihal pengorbanan namun dalam konteks yang berbeza. Sebelum meninggal dunia, Mirasati sempat berpesan kepada Kemala bahawa kehidupan di dunia hanya sementara tetapi kehidupan di akhirat lebih penting. Maka, pengorbanan di dunia tiada ertiannya berbanding dengan pengorbanan di akhirat (Damien 2009, 103). Mirasati tidak mengaitkan pengorbanan di dunia dengan keganasan seperti yang ditekankan oleh Jemaah Kiai Gadil. Malangnya, Kemala tidak dapat membezakan dua konsep pengorbanan ini. Hal demikian menyebabkan Kemala terjebak dalam ajaran Islam yang songsang sehingga membawanya ke dunia terorisme.

Tekanan psikologi yang dialami oleh Kemala memuncak apabila beliau diperkosa oleh Hamal yang membawanya ke markas Jemaah yang diikutinya. Peristiwa hitam ini telah memberikan kesan yang sangat besar kepada diri Kemala. Peristiwa hitam tersebut juga semakin menambahkan lagi kekosongan hatinya yang kemudian diisi pula dengan suatu kekecewaan yang sangat besar. Beliau kecewa dengan lelaki dan kecewa dengan dirinya yang kehilangan keperawanannya, yang juga maruahnya:

Kemala merasa semua yang pernah diyakininya tergoncang. Ia, tidak pernah merasakan cinta seorang pria seumur hidupnya, tidak pernah jatuh cinta apa lagi memikirkan persetubuhan, akhirnya kehilangan keperawanannya. (Damien 2009, 136)

Semasa beliau melihat dirinya di cermin, inilah yang dirasakan tentang dirinya:

Kemala merasa ia masih dirinya, namun dalam posisi terbalik. Ia sedang melihat sisi gelap yang ingin menguasai banyak hal baru, dan menaklukkan apa yang dialaminya. Ia merasa selama ini ia bagai seekor anak macan yang dibesarkan dalam rumah dan merasa bahwa selama ini ia hanya kucing. Di sini, di tempat ini, saat nalurinya harus bertarung, ia

baru menyadari, bahwa dirinya sebenarnya adalah seekor macan betina.  
(Damien 2009, 125–126)

Kemala telah menjadi mangsa rogol ahli Jemaah Kiai Gadil dan peristiwa ini menunjukkan Jemaah Kiai Gadil bukan sebuah Jemaah Islamiah yang benar-benar mengamalkan ajaran Islam yang sebenar. Islam mempertahankan kehormatan wanita. Islam meletakkan wanita di tempat yang tinggi dan bukan sebagai barang untuk memuaskan nafsu seks lelaki, lebih-lebih lagi lelaki yang memperkatakan hal perjuangan Islam. Kumpulan Jemaah Kiai Gadil berpesan-pesan tentang Islam tetapi sebenarnya memberikan gambaran yang negatif kepada masyarakat antarabangsa dan mereka sebenarnya telah menyumbang sesuatu kepada kewujudan *Islamophobia*.

Setelah dirinya diperkosa, Kemala beranggapan bahawa dirinya tidak lagi punya harga diri kerana maruahnya telah diragut. Namun begitu, dengan fahamannya tentang pengorbanan yang ditekankan oleh Ustaz Amir, Kemala percaya beliau masih ada peluang untuk menebus harga dirinya kembali sekurang-kurangnya di sisi Allah dengan melakukan pengorbanan. Maka, Kemala mengambil keputusan untuk menerima permintaan Kiai Gadil supaya bersedia untuk mengorbankan dirinya dengan melakukan jihad. Justeru, jihad yang difahami oleh Kemala bukanlah merupakan jihad sebenar seperti yang disarankan dalam Islam. Kemala bersedia untuk berjihad secara songsang dengan memerangi sesiapa sahaja yang menghalang rancangan kumpulan Jemaah Kiai Gadil.

Kemala menghadiri siri-siri ceramah dengan misi terorisme serta mendapat bimbingan khas daripada Ustaz Ziki. Dalam siri ceramah yang dihadiri, Kemala diperingatkan berkali-kali supaya memerangi mereka yang tidak beriman kepada Allah. Proses merekrut dan indoktrinasi diperkuat dengan penyediaan bahan-bahan bacaan yang sesuai kepada Kemala. Bahan bacaan tersebut serta nasihat daripada pemimpin Jemaah Kiai Gadil semakin menguatkan keyakinannya tentang perjuangan jemaahnya. Pemikiran tersebut mengarah kepada sebuah kefahaman. Rasa benci akan dirinya mula beransur-ansur hilang, sebaliknya satu peribadi yang baharu telah terbentuk setelah Kemala menghadiri kelas-kelas tarbiyah di kem latihan yang diadakan khas untuk membentuk fahaman terorisme. Selain membaca dan menghadiri ceramah, Kemala juga dipertontonkan filem-filem peperangan antara Islam dan bukan Islam, seperti peperangan di Afghanistan dan Iraq. Kemala terpengaruh dengan filem-filem yang ditayangkan. Menurut Damien (2009, 148):

Saat film-film itu kembali diputar dan kesakitan itu dieksplorasi dalam satu sisi, Kemala pun akhirnya bangkit dan berdiri. “Kita

harus memerangi ketidakadilan ini. Keberadaan pasukan sekutu telah memperparah keadaan saudara-saudara kita”

Sang ustaz pun berkata, “...bunuhlah orang-orang musyirikin di mana saja kamu jumpai mereka...”

Mereka yang lain berteriak serentak, “Kita harus memerangi para kafir! Kita adalah pejuang! Kita harus memerangi mereka!”.

Semua ceramah dan siri tontonan filem yang berkaitan dengan keganasan dan kekejaman terhadap orang Islam di negara-negara seperti Palestin dan Afghanistan telah dieksplor dengan bersandarkan ajaran Islam yang kononnya meminta pembelaan terhadap umat Islam dilakukan dengan keganasan juga. Islam telah disalahgunakan oleh Jemaah Kiai Gadil untuk meracuni fikiran dan jiwa mereka yang jahil tentang jihad dalam ajaran Islam yang sebenar, seperti Kemala. Jemaah Kiai Gadil membenarkan golongan yang tidak berdosa dijadikan sasaran untuk dibunuh, seperti yang akan dilakukan oleh Kemala terhadap pengunjung pusat hiburan Bistro Americana. Kiai Gadil sendiri seolah-olah telah membuat generalisasi bahawa semua orang Barat itu anti-Islam dan perlu dihapuskan di mana-mana mereka berada. Mereka yang sanggup memerangi orang Barat dan mati akan dianggap sebagai mati syahid. Konsep mati syahid ini diterima oleh mereka yang dangkal ilmu Islamnya seperti Kemala. Dalam pengakuannya terhadap Kiai Gadil, Kemala menyatakan:

Kiai, ada satu ajaran yang tidak pernah saya lupakan. Saya telah merenungkannya berulang-ulang dan saya menyakininya. Mati syahid. Saya bersiap dengan segala konsekuensinya. (Damien 2009, 152)

Konsep mati syahid dan jihad yang difahaminya dengan yakin telah menyebabkan beliau tidak sabar untuk melaksanakan tugasannya tersebut. Setelah Kiai Gadil dan orang-orangnya berpuas hati tentang keyakinan Kemala terhadap perjuangan mereka maka Kemala telah diberi tugas untuk mengebom pusat hiburan Bistro Americana. Pengebom bunuh diri seperti Kemala muncul daripada persekitaran psikologi, sosial dan politik yang berhubungan. Masalah psikologi dan rohani yang dialami oleh Kemala telah dieksplor sepenuhnya oleh Jemaah Kiai Gadil dengan beberapa strategi indoctrinasi, seperti penggunaan media dan Jemaah tersebut berjaya menyerapkan ideologi terorismenya. Konsep mati syahid dan jihad yang songsang telah digunakan dengan berkesan terhadap Kemala sehingga beliau bersetuju melakukan keganasan. Kemala dipersiapkan untuk menjadi pengganas oleh Jemaah Kiai Gadil dan menjalankan tugas sebagai pengebom berani mati. Namun demikian, pengarang novel ini telah mencipta seorang lelaki yang bernama Prakasa yang datang dan menyelamatkan Kemala daripada meletupkan dirinya

di pusat hiburan Bistro Americana berkenaan. Dengan kata lain, terorisme tidak menjadi dalam novel ini namun persoalan-persoalan yang berkaitan dengan terorisme dibincangkan dengan mendalam dan isu terbabit lebih penting daripada memaparkan keganasan tersebut. Tambahan pula, Islam tidak mengizinkan sebarang keganasan.

### Mencegah Keganasan (*Counterterrorism*)

Novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* juga membincangkan usaha mencegah keganasan (*counterterrorism*), iaitu suatu usaha dan tindakan untuk mengatasi terorisme. Terdapat beberapa strategi untuk mencegah keganasan. Mengikut Crelinsten (2009), pada dasarnya terdapat dua jenis strategi. Kedua-duanya berdasarkan peristiwa 11 September 2001 sewaktu Pusat Dagangan Dunia di New York telah diserang oleh pengganas. Strategi “Selepas 11 September” (*September 12 Thinking*) merupakan strategi yang berdasarkan ketenteraan. Strategi tersebut berdasarkan konsep *war on terror*, yakni kekerasan digunakan terhadap pengganas. Menurut Crelinsten (2009, 12):

“September 12 thinking” emphasizes the military approach to counter-terrorism, privileging the use force and legitimizing it by changing the legal rules of the game if necessary...

Penggunaan tentera di Timur Tengah, seperti di Iraq dan Libya oleh AS merupakan satu contoh strategi *September 12 Thinking*.

Secara tidak langsung, pengarang novel ini telah membincangkan kedua-dua jenis strategi mencegah keganasan tersebut. Kekerasan digunakan setelah maklumat tempat Jemaah Kiai Gadil beroperasi diperoleh oleh Prakasa daripada Kemala. Prakasa yang bekerja dengan badan pencegahan terorisme telah membentuk satu pasukan penggempur dan menggempur lokasi Jemaah yang dipimpin oleh Kiai Gadil. Kekerasan terpaksa digunakan oleh pihak berkuasa kerana Jemaah Kiai Gadil dilengkapi dengan senjata berat. Mereka memiliki stor senjata yang mengandungi senjata seperti pistol, grenad, *beretta*, MP5 dan M16. Sungguhpun telah dipujuk untuk menyerah diri oleh pihak berkuasa, Jemaah Kiai Gadil tetap berkeyakinan bahawa mereka berjihad di jalan yang benar. Mereka rela mati kerana telah terpengaruh dengan konsep jihad yang sesat tersebut. Jemaah Kiai Gadil diserang dan jemaah tersebut dihapuskan. Pendekatan secara kekerasan ini merupakan satu strategi jangka pendek sahaja berbanding dengan strategi *September 10 Thinking*.

“September 10 thinking” emphasizes legal approaches to counter-terrorism, privileging the rule of law, international cooperation, and

understanding the root causes of terrorism. While the military option is considered an indispensable part of the overall counterterrorism arsenal, it is seen as a tool of last resort, whose use must be legitimized and carefully controlled. (Crelinsten 2009, 12)

Strategi *September 10 Thinking* merupakan strategi memerangi terorisme secara lebih berdiplomasi berbanding dengan penggunaan kuasa tentera. Strategi berkenaan lebih berperikemanusiaan, seperti tindakan berasaskan undang-undang, kerjasama antarabangsa dan memberi perhatian kepada punca terorisme. Penggunaan kekerasan mengatasi terorisme adalah pilihan terakhir. Strategi *September 10 Thinking* merupakan strategi jangka panjang. Damien (2009) dalam novel ini telah mengutarakan usaha mencegah keganasan yang mencari punca terorisme. Beliau berpendapat, terorisme yang dilakukan oleh orang Islam berpunca daripada salah faham tentang ajaran Islam yang sebenar. Konsep jihad dalam Islam merujuk kepada jihad yang bukan berasaskan keganasan. Islam tidak menggalakkan keganasan sebaliknya menganjurkan kedamaian dan bertolak ansur sesama manusia.

Sebenarnya, Kemala bukan pengikut Jemaah Kiai Gadil yang tegar kerana pada saat kubu Jemaah diserang oleh pihak berkuasa, Kemala memperlihatkan kekesalan terhadap manusia yang berbunuhan sesama sendiri. Namun begitu, jenayah tetap jenayah dan Kemala telah dihukum. Kemala dihukum penjara dan di dalam penjara, kepercayaan beliau yang songsang tentang perkara seperti mati syahid dan jihad telah dibetulkan mengikut landasan Islam yang sebenar. Melalui strategi yang lebih berperikemanusiaan ini, pemahaman Kemala Kurnia tentang Islam sebagai agama yang cinta akan kedamaian mula wujud malah beliau telah diberi kesempatan untuk berguru dengan Ustaz Akil dan mempelajari erti jihad yang sebenar, iaitu jihad melawan hawa nafsu. Ketika di penjara, Kemala Kurnia telah didedahkan dengan agama Islam sebenar yang menyatakan Islam itu agama yang damai dan benci akan keganasan. Kemala Kurnia mula berpegang kepada al-Quran dalam Surah Al-Anbiya, ayat 107 tentang kedamaian. Dengan kata lain, strategi mencegah keganasan yang sesuai dan munasabah dalam memerangi terorisme pada pandangan Damien ialah secara berlembut dan pandangan ini sesuai dengan pandangan Islam yang cinta kepada kedamaian dan bukan kekerasan. Dalam konteks pendekatan psikososial yang menekankan punca sesuatu masalah itu terjadi, pendekatan yang lebih lembut ini sangat sesuai untuk mengatasi salah satu sebab Kemala terlibat dengan terorisme iaitu kedangkalannya terhadap maksud jihad yang sebenar. Kemala akhirnya sedar tentang keburukan terorisme setelah beliau mendalami ajaran Islam. Ketika menjalani hukuman penjara, beliau telah diajar oleh seorang ustaz bahawa Islam mementingkan kedamaian. Kemala

mula mengerti bahawa Islam itu damai dan memahami konsep jihad yang betul mengikut Islam.

Setelah keluar dari penjara, Kemala berkahwin dengan Prakasa yang setia menunggunya dan memperoleh seorang anak. Dalam satu perbincangan dengan anaknya yang sudah berumur hampir empat tahun, Kemala berpesan:

“Sekarang kau tirukan apa yang Ibu ucapkan”, Kemala berkata pelan “...  
wa ma arsalnaka illa rahmatan lil’lamin...”

.....

“Nah ... ertinya kami tidak mengutusmu ya Muhammad kecuali sebagai rahmat dan pedamaian untuk sekalian alam”. (Damien 2009, 223)

Kanak-kanak tersebut bukan sekadar anak kepada Kemala dan Prakasa namun turut merupakan simbol kepada satu harapan bahawa terorisme boleh diatasi dengan kembali kepada punca terorisme itu sendiri. Punca tersebut adalah pemahaman tentang Islam yang songsang. Harapan baharu ini juga dapat menghapuskan prejedis *Islamophobia* yang memandang serong kepada Islam dan penganutnya. Umat Islam perlu menjadi seperti kanak-kanak yang didedahkan dengan ajaran Islam yang sebenar yang menyeru kedamaian semenjak awal. Maka, suatu usaha yang terancang dan berkesan wajar dilakukan untuk menjelaskan bahawa terorisme tidak mempunyai kaitan dengan Islam kepada masyarakat Barat. Agama Islam menentang keganasan dan umatnya yang benar-benar beriman cinta akan kedamaian dan bukan keganasan. Harapan untuk mengatasi terorisme dan *Islamophobia* tetap wujud sekiranya kita kembali kepada punca terorisme itu sendiri.

Kesimpulannya, terorisme dan Islam menjadi tema penting novel ini. Islam tiada kaitan dengan terorisme. Terorisme yang dilakukan oleh orang Islam disebabkan oleh pemahaman yang silap tentang jihad dan mati syahid. Islam menekankan jihad, bukan jihad untuk mencetuskan keganasan tetapi jihad melawan hawa nafsu bagi mendapatkan satu kehidupan yang damai dan sejahtera serta direndai. Tindakan Jemaah Kiai Gadil dan Kemala dalam pergerakan terorisme disebabkan mereka terperangkap dengan pemahaman Islam yang songsang. Melalui pendekatan psikososial, permasalahan dalam novel yang dibincangkan oleh pengarang berkenaan jelas dapat difahami dengan baik. Islam bukan sahaja tidak menyokong bahkan menolak terorisme. Namun begitu, umat Islam dalam golongan cerdik pandai seperti Kemala boleh terlibat dengan terorisme disebabkan jiwa mereka kosong dari segi kerohanian dan emosi. Kemala mempunyai didikan agama Islam yang sangat minimum dan tidak memahami langsung erti jihad yang sebenar dalam

Islam. Tambahan pula, beliau tidak mendapat kasih sayang yang sepenuhnya daripada ayah beliau semenjak kecil dan dirogol pula. Kedangkan tentang ajaran Islam dan jihad serta trauma masa lalu telah memerangkap Kemala dalam dunia terorisme. Maka, kekosongan ini mudah diisi dengan ajaran songsang seperti yang dilakukan oleh Jemaah Kiai Gadil. Konsep mati syahid dan jihad telah disesatkan oleh mereka yang berkepentingan politik seperti Jemaah Kiai Gadil. Ajaran Islam telah disalah tafsir dengan mengaitkan mati syahid dan jihad dengan keganasan. Strategi mencegah keganasan dengan cara kekerasan merupakan satu pendekatan jangka pendek. Pendekatan yang menjurus kepada punca masalah merupakan satu pendekatan jangka panjang dan menjadi pilihan Damien. Beliau telah kembali kepada punca masalah. Masalah pemahaman Islam yang salah atau sesat dapat dibetulkan seperti yang ditunjukkan menerusi watak Kemala. Islam satu agama yang menegaskan kedamaian dan tidak pernah mengaitkan mati syahid dan jihad dengan kekerasan dan keganasan. Ungkapan “Demi Allah, aku jadi teroris” yang menjadi tajuk novel ini suatu ironi yang menunjukkan bahawa pengganas yang berpegang pada ungkapan ini merupakan orang Islam yang sesat. Islam tidak sekali-kali mengizinkan umatnya dan manusia lain untuk menjadi pengganas atau mencetuskan keganasan. *Islamophobia* juga berpunca daripada salah faham manusia Barat terhadap Islam dan keadaan ini terjadi kerana umat Islam yang sesat itu sendiri telah memberikan gambaran yang salah tentang Islam.

## Bibliografi

- Abul A'la al Maududi. 2007. “Jihad di Jalan Allah” dalam Abul A'la al Maududi, Hassan al-Banna dan Said Qubt. 2987. *Jihad fisabillah*, trans. Su'adi Sa'ad. Jakarta: Media Da'wah.
- Amat Juhari Moain. 1987. *Jihad dan pengertiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amnesty International. 2012. *Choice and prejudice: Discrimination against Muslims in Europe*. London: Amnesty International.
- Appadurai, A. 2006. *Fear of small numbers: An essay on the geography of anger*. Durham, NC: Duke University Press.
- Bartol, C.R. 2002. *Criminal behavior: A psychosocial approach* (6th ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Chandler, M. and Gunaratna, R. 2007. *Countering terrorism: Can we meet the threat of global violence*. London: Reaktion Books.
- Combs, C.C. 2000. *Terrorism in the twenty-first century* (2nd ed.). Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Crelinsten, R. 2009. *Counterterrorism*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Damien Dematra. 2009. *Demi Allah, aku jadi teroris*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Dershowitz, A.M. 2002. *Why terrorism works*. New Haven and London: Yale University Press.

- Faisal Devji. 2005. *Landscapes of the jihad: Militancy, morality, modernity*. Ithaca, NY: Cornell University Press.
- Faleriana, T., Charline and Burhanudin, D. 2018. The principle of courtesy in novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* by Damien Dematra. <https://adoc.tips/the-principle-of-courtesy-in-novel-demi-allah-aku-jadi-teror.html> (accessed 18 June 2018).
- Geltzer, J.A. 2010. *US counter-terrorism, strategy and al-Qaeda: Signalling and the terrorist world-view*. Oxon: Routledge.
- Kepel, G. and Milelli, J.P., eds. 2008. *Al Qaeda in its own words*. Cambridge, MA: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Marsda TNI (Pur) Prayitno Ramelan. 2017. *Ancaman virus terorisme: Jejak teror di dunia dan Indonesia*. Jakarta: Penerbit PT. Grasindo.
- Noorani, A.G. 2002. *Islam and jihad prejudice versus reality*. London and New York: Zed Books.
- Qurrotul Ainiy and Mantik, M.J.K. 2018. *Perempuan, laki-laki dan terorisme dalam novel Demi Allah, Aku Jadi Teroris*. [http://nanopdf.com/download/perempuan-laki-laki-terorisme-dalam-novel-demi\\_pdf](http://nanopdf.com/download/perempuan-laki-laki-terorisme-dalam-novel-demi_pdf) (accessed 18 June 2018).
- Rana, J. 2007. The story of Islamophobia. *Souls* 9(2): 148–161.
- Salina Ibrahim. 2017. *Khilaf*. Selangor, Malaysia: Utusan Karya Sdn. Bhd.
- Slamet, E. 2012. Perubahan teknologi Islam mengenai terorisme pada tokoh utama dalam novel *Demi Allah, Aku Jadi Teroris* karya Damien Dematra: Kajian psikologi sastera. Bachelor dissertation, Universitas Muhammadiyah Purwokerto, Indonesia. <http://repository.ump.ac.id/2958/1/SLAMET%20EFENDI%20COVER.pdf> (accessed 18 June 2018).
- Syed Saleem Shahzad. 2011. *Inside al-Qaeda and the Taliban: Beyond bin Laden and 9/11*. London: Pluto Press.